

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.  
MAHATHIR [JERLUN]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan mengenai pelaksanaan TVET di institusi pendidikan Islam, khususnya Sekolah Agama Rakyat, Maahad Tahfiz dan Pondok:

- a) sudahkah kurikulum atau modul TVET disiapkan dan kaedah pelaksanaan pengajaran TVET di institusi tersebut; dan
- b) tenaga pengajar TVET di insitusi berkenaan, adakah dari kalangan guru sedia ada atau Kementerian menyediakan tenaga pengajar vokasional.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Yang di-Pertua,

**a)**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pembelajaran kemahiran atau TVET di sekolah pondok dan institusi tahfiz adalah mengguna pakai modul dan silibus sedia ada di institusi penyedia latihan kemahiran seperti GIATMARA, Kolej Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia.

2. Pelaksanaan pembelajaran TVET dibuat secara kerjasama dengan institusi penyedia latihan kemahiran yang berhampiran dan sesuai dengan keperluan kursus yang ingin diambil oleh pihak institusi tahfiz dan pondok. Ia dilaksanakan dalam dua bentuk iaitu sama ada kursus kemahiran dilaksanakan di institusi tahfiz dan pondok atau dilaksanakan di institusi penyedia latihan kemahiran. Sehingga kini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjalinkan kerjasama dengan 63 Kolej Komuniti KPM di seluruh negara yang menawarkan 320 kursus kemahiran kepada institusi tahfiz berdaftar yang terpilih.

**b)**

3. Kursus kemahiran atau TVET yang dilaksanakan oleh penyedia latihan kemahiran adalah melibatkan tenaga pengajar bertauliah dan berkemahiran sesuai dengan kursus yang diambil oleh pelajar, khasnya tenaga pengajar dari Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sekian, terima kasih.